

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L
TUN SAMY VELLU**

TARIKH : 21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pembaharuan dari segi *Standard Operating Procedure* (SOP) dan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan diambil dalam memastikan segala bentuk bantuan kepada rakyat bagi menghadapi krisis COVID-19 melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sampai kepada golongan yang memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembaharuan SOP Pengurusan Bantuan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP adalah seperti berikut :

- i) **Menggalakkan Permohonan Bantuan dibuat secara Atas Talian**
Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Sistem Pengurusan Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di laman sesawang <http://ebantuanjkm.jkm.gov.my>;
- ii) **Mempermudahkan Kaedah Siasatan Permohonan Bantuan**
Sepanjang tempoh PKP, proses siasatan dilaksanakan secara temu bual melalui talian (telefon) dan berdasarkan maklumat yang telah diisi oleh pemohon; dan
- iii) **Pengecualian Proses Kaji Semula**
Sepanjang tempoh PKP, JKM telah mempermudah proses kaji semula di mana semua penerima bantuan bulanan tidak perlu menghantar borang kaji semula dan hadir ke PKMD untuk siasatan lanjutan. Kes akan dilanjutkan atau disambung secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan bantuan kepada rakyat khusus kepada golongan yang memerlukan sampai kepada mereka, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat sebaiknya.

Bagi penerima bantuan JKM sedia ada, beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:

- i) **Menaikkan kadar bagi skim-skim bantuan** semasa pembentangan Belanjawan bagi Tahun 2021. Bantuan-bantuan yang dinaikkan adalah:
 - a. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan seorang;

SOALAN NO. : 7

- b. Bantuan Orang Tua (BOT) dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang;
 - c. Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang;
 - d. Bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC) dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 sebulan seorang; dan
 - e. Bantuan Kanak-Kanak (BKK) untuk keluarga miskin dinaikkan daripada RM100 bagi seorang anak dengan maksimum RM450 kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun dan RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga.
- ii) **Mempercepatkan tarikh bayaran Bantuan Bulanan JKM** sebelum 10hb pada setiap awal bulan. Ini telah memberi manfaat kepada seramai 513,504 penerima bantuan di seluruh Negara;
- iii) **Program jelajah turun padang** oleh **YB Ahli Parlimen, YB ADUN dan pemimpin setempat** bagi menyantuni klien penerima bantuan melalui pemberian Bantuan Bakul Makanan; dan
- iv) **Perlaksanaan Projek Rintis Bayaran Bantuan Kewangan Persekutuan Tanpa Tunai** dengan Kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad. Program ini diperkenalkan bagi memberi peluang klien penerima bantuan JKM terlibat dalam aktiviti ekonomi digital di samping memantapkan penyaluran bantuan kewangan melalui kaedah bayaran tanpa tunai;

Manakala bagi rakyat yang terkesan, tetapi bukan penerima bantuan bulanan JKM, beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:

- i) Agihan Bantuan Bakul Makanan di bawah KPWKM dengan peruntukan berjumlah **RM106.8 juta sejak Mac 2020 sehingga Julai 2021 yang memberi manfaat kepada 1,121,385 Ketua Isi Rumah (KIR)**;
- ii) **Pemberian Bantuan Khas kepada Pengusaha TASKA** di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (**PENJANA**) dengan peruntukan

SOALAN NO. : 7

RM12.15 juta yang memberi manfaat kepada 2,623 buah TASKA. Setiap pengusaha TASKA Institusi dan TASKA di Tempat Kerja menerima RM5,000 manakala TASKA di rumah menerima RM1,500.

- iii) **Bantuan Khas kepada Pengusaha TASKA** di bawah **PEMULIH** dengan peruntukan sebanyak RM7.37 juta yang memberi manfaat kepada 2,669 buah TASKA. Setiap TASKA Institusi, TASKA Komuniti, dan TASKA di tempat Kerja telah menerima RM3,000 dan pengusaha TASKA di Rumah menerima RM800.

Selain daripada itu, **khidmat sokongan psikologi dan sosial** turut disediakan iaitu melalui perkhidmatan **Talian Kasih 15999 (Bebas Tol)** atau **melalui Whatsapp 019-26 15999**. Talian Kasih 15999 Merupakan talian prihatin masyarakat yang dibuka kepada orang ramai bagi mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan termasuk memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi bagi yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status perkembangan mengenai pelaksanaan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Draf Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) telah **digubal secara kolektif melalui sebuah pasukan projek khas** dengan penyertaan pelbagai pihak yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan serta ahli-ahli akademik. Saya amat menghargai komitmen dan usaha keras setiap pihak yang membantu menyediakan draf RUU AGS ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melakukan penambahbaikan dan permurnian semula dengan mengambil kira pandangan Jabatan Peguam Negara dan input-input yang telah diperolehi semasa sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan seperti Tribunal Tuntutan Pengguna, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan juga Majlis Perwakilan Pelajar.

Draf RUU AGS telah dikemukakan semula kepada Bahagian Gubalan untuk semakan dan pengesahan. Proses semakan RUU adalah satu **proses yang perlu dilakukan dengan teliti** bagi memastikan RUU ini benar-benar mampu menangani kelompangan perundangan sedia ada dan isu-isu pelaksanaan yang akan timbul.

Pada masa ini, kes-kes gangguan seksual ditangani melalui **akta dan peraturan lain** seperti:

- i. Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- ii. Akta Kerja 1995 [*Akta 265*];
- iii. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*];
- iv. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993]; dan
- v. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

SOALAN NO. : 15

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga sedang membangunkan Modul Intervensi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja untuk kegunaan Pegawai Psikologi atau Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja.

Pada masa yang sama, Kementerian terutamanya melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat mengadakan program-program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual supaya dapat mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual ataupun lain-lain bentuk. Pada tahun ini sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program kesedaran telah dilaksanakan oleh JPW dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN JAZIRI ALKAF
ABDILLAH SUFFIAN**

TARIKH : 21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk mendapatkan penglibatan lebih daripada kaum lelaki (*male-allies*) dalam usaha meningkatkan penglibatan wanita 30% dalam sektor pengurusan tertinggi dalam pelbagai sektor seperti disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyokong sebarang bentuk usaha meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang kepimpinan termasuklah sebagai pembuat keputusan.

Dalam hal ini, Kerajaan telah mengumumkan pernyataan **dasar 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam pada tahun 2004 dan di sektor swasta pada tahun 2011**. Berdasarkan statistik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2020, telah terdapat 38.2% penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas. JPA juga telah melaksanakan inisiatif seperti pembangunan kapasiti kepimpinan bagi mewujudkan kumpulan wanita berpotensi sebagai *pool of talents* untuk mengisi jawatan pembuat keputusan.

Dasar Kerajaan 30 peratus wanita turut dirancakkan di sektor swasta oleh syarikat-syarikat terkemuka di Malaysia dan badan-badan berkanun seperti Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti di bawah inisiatif Kelab 30% yang merupakan platform untuk meningkatkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan atau ahli lembaga pengarah syarikat. Sehingga **Julai 2021, 25.5% peratus daripada 100** syarikat teratas berjaya menyambut komitmen pengisian sekurang-kurangnya 30 peratus ahli lembaga pengarah wanita. Usaha berterusan ini diperkukuhkan dengan sokongan daripada kaum lelaki (*male-allies*) yang bersama-sama mengangkat agenda wanita di Malaysia menerusi semua inisiatif yang dilakukan.

Pelbagai program advokasi bagi **meningkatkan kepekaan dan kesedaran mengenai gender** turut memainkan peranan signifikan dalam memberikan pemahaman tentang kepentingan penglibatan wanita dalam kepimpinan di mana pandangan, kepakaran serta ketelitian mereka dapat membantu meningkatkan kualiti tadbir urus untuk mencapai keputusan yang lebih baik.

SOALAN NO. 20

Pada tahun ini sehingga Ogos 2021, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah menganjurkan sebanyak **178 program** dengan penglibatan seramai **95,182** peserta. Konvensyen Pemimpin Muda telah diadakan pada 16 hingga 18 Ogos 2021 yang telah melibatkan seramai 300 peserta.

Selain itu, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut menganjurkan program yang dapat memperkukuh institusi keluarga melalui **peranan lelaki untuk menyokong wanita mengimbangi kerjaya dan kehidupan berkeluarga** melalui Program Pendidikan Kekeluargaan. KPWKM turut mewujudkan ekosistem yang kondusif agar wanita dapat terus terlibat aktif dalam bidang kepimpinan dan kerjaya melalui inisiatif kemudahan taska di tempat kerja. Sehingga tahun 2021, terdapat sebanyak 351 buah taska tempat kerja di negara ini dan jumlah ini dijangka akan bertambah pada masa akan datang kerana adanya advokasi yang berterusan. Bantuan subsidi sebanyak RM1.9 juta melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut disalurkan kepada keluarga yang berkelayakan untuk menghantar anak mereka ke taska komuniti bagi membolehkan para wanita keluar bekerja pada tahun 2021.

Justeru, isu pemerksaan wanita dan kesaksamaan gender dalam kepimpinan ini merupakan isu merentas sektor yang memerlukan penglibatan, kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, khususnya sokongan kaum lelaki (*male-allies*). Justeru, sokongan mereka adalah penting untuk dalam memastikan penglibatan wanita secara produktif, bermula daripada memupuk minat melalui latihan dan pendidikan, sehinggalah kepada usaha untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi yang menghalang wanita untuk berkecimpung dalam kepimpinan dan sebagai pembuat keputusan.

Sekian, terima kasih.